

Bil>(20)dlm.JK/IP 39/54-A.

Jabatan Kehakiman,  
Mahkamah Persekutuan,  
Kuala Lumpur. 01-02.  
21hb. Disember, 1979.

Semua Pegawai Undang-Undang,  
Dibawah Kawalan Jabatan Kehakiman Malaysia.  
Tuan,

Pekeliling Pendaftar (A)8/79

Penempatan Pegawai Undang-Undang

Di Mahkamah-Mahkamah Sesyen dan Majistret.

Saya merujuk kepada perkara diatas dan memaklumkan bahawa seperti tuan sedia maklum, penempatan pegawai-pegawai tersebut sering dibuat dari masa kesemasa dengan cara pengeluaran perintah pertukaran dan perintah penempatan bagi Pegawai-Pegawai yang baru dilantik.

2. Penempatan seseorang Pegawai atau beberapa orang Pegawai dimana-mana Pejabat adalah dengan tujuan menjalankan tugas-tugas yang tertentu mengikut undang-undang, peraturan-peraturan dan amalan-amalan yang telah dilaksanakan semenjak ujud dan terbentuknya Perkhidmatan Awam dimana-mana Pejabat. Tugas-tugas yang dilaksanakan oleh seseorang Pegawai itu bukanlah terhad pada kerjanya di Pejabat sahaja tetapi meluas kepada keperluan Pejabat-Pejabat lain dan orang awam yang ada kaitan dengan tugas-tugas Pegawai itu. Dengan berasaskan pada prinsip inilah, maka ditempatkan seorang Pegawai atau beberapa orang Pegawai disatu-satu Pejabat dalam satu-satu Daerah atau Wilayah atau sesuatu kawasan yang tertentu untuk memberi layanan kepada keperluan perkhidmatan Pejabat-Pejabat lain dan orang awam yang ada kaitan dengan tugas-tugas Pegawai itu.

3. Oleh yang demikian, dengan pengeluaran Pekeliling ini, Pegawai-Pegawai yang ditempatkan, katalah, sebagai Magistrate di Mahkamah X ditempat Y, maka ia hendaklah tinggal ditempat Y; iaitu ditempat ia bertugas. Jika ia hendak meninggalkan tempat bertugasnya, ia hendaklah mendapat kebenaran daripada Ketua Pejabatnya, seperti Tuan Hakim/Yang DiPertua Mahkamah Sesyen/Pihak Pentadbiran ini. Juga tiap-tiap Pegawai itu hendaklah mematuhi masa bertugas seperti tercatat dalam Perintah Am Bab "G" - 1 walaupun tiada kes hendak dibicarakan kerana banyak lagi tugas yang hendak diselesaikan/disemak/disusun/diperkemaskan di Pejabat masing-masing.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(HAJI WAN MOHAMED BIN HAJI WAN MUSTAPHA)

Ketua Pendaftar.

---

- 9) Registrar, High Court, Borneo, Kuching, Sarawak;
- 10) Deputy Registrar, High Court, Kota Kinabalu, Sabah;
- 11) Chairman, Bar Council, Malaysia,  
Lot 5.55, 5th Floor, Wisma Central,  
Jalan Ampang, Kuala Lumpur.
- 12) Managing Editor,  
Malayan Law Journal (Pte) Ltd., 1302-1304, Shenton House,  
Shenton Way, Singapore 0106.
- 13) Editor, INSAF, c/o Bar Council, Malaysia,  
Lot 5.55, 5th Floor, Wisma Central,  
Jalan Ampang, Kuala Lumpur.
- 14) All Presidents Sessions Courts, West Malaysia;
- 15) All Magistrates, West Malaysia.